

BAB II

LATARBELAKANG HAJI SULONG

Pengenalan

Haji Sulong¹ atau Haji Muhammad bin Abdul Qadir Muhammad al-Fatani dilahirkan pada tahun 1895 di Kampung Anak Rhu yang terletak dalam bandar Pattani hari ini.² Waktu itu, Patani di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman Sharifuddin (1889-1999).

Haji Sulong mempunyai latarbelakang pendidikan Islam yang kukuh. Bapa beliau, Haji Abdul Qadir bin Muhammad merupakan cucu kepada ulamá Patani terkenal, Tuan Minal.³ Ibu beliau pula bernama Ché Aminah atau Ché Thom telah meninggal dunia pada tahun 1907 ketika Haji Sulong berumur 12 tahun.⁴

¹ Perkataan Sulong juga kerap ditulis sebagai Sulum kerana tulisan Arab tidak mempunyai huruf 'ng'. Lihat Mat Rofa Ismail, "Khazanah Melayu : Cahaya Keselamatan Haji Sulong Patani", *Jurnal Dewan Bahasa*, 41, Bil.1, Jan. 1997, hlm. 548. Beliau juga dikenali dengan nama Haji Sulong bin Abdul Kadir Tukmina. Lihat juga Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam* (Alor Setar : Pustaka Darul Salam, 2000), hlm. 105.

² Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 2001), hlm. 140.

³ Ibid., hlm. 67-78. Tuan Minal atau nama lengkapnya Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dihan bin Sheikh Wan Shamsuddin bin Sheikh Jaa'far (1820-an – 1913) merupakan antara ulama' pengarang asal Patani yang termasyhur selepas Sheikh Daud al-Fatani. Beliau termasuk antara tujuh ulama' pengarang asal Patani yang aktif di mana kitab-kitab tulisan beliau sehingga hari ini masih menjadi teks rujukan utama dalam sistem pengajian pondok di Patani dan Semenanjung Malaysia.

⁴ Ibid, hlm. 68.

Haji Sulong berkahwin dengan Hajjah Khadijah binti Haji Ibrahim semasa melanjutkan pelajaran di Makkah.⁵ Perkahwinan beliau bersama isterinya telah dikurniakan 6 anak lelaki dan empat anak perempuan.⁶

Latarbelakang Pendidikan

Pendidikan awal Haji Sulong merupakan pelajaran membaca al-Qur'an. Bapa beliau, Haji Abdul Qadir merupakan guru yang pertama. Pendidikan berbentuk informal ini dijalankan di rumah.

Pada tahun 1903 ketika berusia 8 tahun, Haji Sulong dihantar belajar pelajaran agama Islam di Pondok Haji Abdul Rashid yang terletak di Kampung Bandar dalam daerah Sungai Pandan, Pattani.⁷ Beliau telah berguru dengan Tok Guru Wan Musa di pondok tersebut yang lebih dikenali dengan nama Pondok Bandar.⁸ Empat tahun kemudian, dalam usia yang muda beliau telah dihantar belajar di Makkah. Apabila berada di sana, Haji Sulong sempat berguru dengan ulama' terkenal Tuan Guru Haji Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain Mustafa al-Fatani.⁹ Selain terkenal dengan ilmu fiqh, lughah dan usuluddin beliau turut dikenali kerana ketokohnya dalam bidang politik dan perhubungan

⁵ Berdasarkan penulisan Ahmad Fathy al-Patani, Hajjah Khadijah merupakan kakak kepada Dato' Haji Muhammad Nur bin Haji Ibrahim bekas mufti kerajaan Kelantan sekitar tahun 1889-1899. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 141

⁶ Ibid.hlm. 152. Anak-anak beliau mengikut turutan adalah Mahmud, Ahmad, Haji Muhammad Amin, Rogayah, Zainal Abidin, Azizah, Zainab, Zakiah, Muhammad Kamil dan Muhammad Yusuf.

⁷ Ibid., hlm. 141.

⁸ Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 94.

⁹ Ismail Che' Daud, "Sheikh Wan Ahmad al-Fatani" dlm. Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 55-66. Lihat juga penulisan Mohd Zaidi Abdullah, "Syaiikh Ahmad Al-Fathani dan Pemerintahan Islam", *Tamadun*, Januari 2000, hlm. 51.

Islam.¹⁰ Ulama' besar ini berpegang dengan konsep bahawa mempelajari ilmu politik adalah fardhu kifayah.¹¹

Selepas kematian Haji Wan Ahmad, Haji Sulong telah berguru dengan guru-guru berbangsa Arab dan Mesir.¹² Semasa di Makkah jugalah Haji Sulong tertarik dengan pemikiran Syaikh Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.¹³ Boleh dikatakan bahawa Haji Sulong tergolong dalam golongan yang memperjuangkan konsep reformis Islam dalam gerakan kebangsaan di Tanah Melayu dan Indonesia awal kurun ke-20.¹⁴ Mereka mendapat didikan awal dalam ilmu-ilmu Islam dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab di kampung-kampung. Kemudian mereka menunaikan fardhu haji dalam usia 20-an dan seterusnya tinggal beberapa tahun di Makkah untuk melanjutkan pelajaran.¹⁵

Seperti ulama' Nusantara yang lain, Haji Sulong pada mulanya memasuki sebuah sekolah Indonesia yang ulung di Makkah. Sekolah ini ditubuhkan khas untuk para pelajar berbahasa Melayu. Ia terletak di dalam kawasan Ka'abah iaitu Kar al-Ulum.¹⁶ Di sini beliau mempelajari ilmu tafsir, hadith, usul fiqh, fiqh dan nahu Arab.¹⁷

¹⁰ Mohd Zaidi Abdullah, "Syaikh Ahmad Al-Fathani", hlm. 50.

¹¹ Ibid., hlm. 51.

¹² Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 141.

¹³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 51.

¹⁴ William Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1994), hlm. 67. Rujuk juga Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1978), hlm. 101-161 dan Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism : A Case Study of the Malay Muslims of Southern Thailand*, Tesis Ph.D., Harvard University, 1980, hlm. 147.

¹⁵ Untuk perbincangan lanjut berkenaan kegiatan pelajar Melayu di Timur Tengah, rujuk Md. Sidin A. Ishak & Mohammad Redzuan Othman, *The Malays in the Middle East* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2000).

¹⁶ Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm. 147.

¹⁷ Ibid.

Haji Sulong kemudiannya menyertai kumpulan ulamá berketurunan Melayu di Masjid al-Haram di mana beliau menjadi tutor dalam ilmu fiqh berteraskan mazhab Shafi'e pada tahun 1927.¹⁸ Ketika itulah beliau mula mempelajari idea-idea reformis Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abdul apabila berkesempatan berkenalan dengan para ulama' Mesir sekitar 1927-1930.¹⁹ Sejak itu Haji Sulong berpegang dengan prinsip bahawa kekuatan Islam sebagai kuasa politik adalah salah satu cara mengembalikan kegemilangan Islam.

Kepulangan Haji Sulong ke Patani

Tidak dapat dipastikan tarikh atau tahun yang paling tepat berkenaan dengan kepulangan Haji Sulong dari Makkah. Ahmad Fathy al-Fatani menyatakan bahawa beliau pulang ke Patani pada tahun 1924.²⁰ Ini disokong oleh Nik Anuar Nik Mahmud dalam bukunya yang membincangkan perjuangan Patani.²¹ Walau bagaimanapun, Mat Rofa Ismail berpendapat bahawa Haji Sulong pulang dari Makkah pada tahun 1926 dan menubuhkan sekolah Madrasah al-Ma'arif al-Wataniyyah.²² Surin Pitsuwan pula berpendapat yang tahun sebenar kepulangan Haji Sulong adalah 1930.²³ Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa

¹⁸ Ibid., hlm. 148.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 141. Dikatakan bahawa beliau pulang ke Patani selepas kematian anak pertama beliau yang bernama Mahmud. Isteri beliau, Hajjah Khadijah Haji Ibrahim yang dikahwininya di Makkah turut mengikut beliau.

²¹ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 51.

²² Mat Rofa Ismail, 'Khazanah Melayu : Cahaya Keselamatan Haji Sulong Patani', hlm. 548.

²³ Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm. 148. Beliau menggunakan sumber bahasa Thai penulisan D. To'Mina, "Panha Si Changwat Pak Tai" dlm. *Sarn Prachathipat*, 1979-82, hlm. 23.

Haji Sulong sebenarnya telah ke Kampuchea terlebih dahulu sebelum kembali ke Patani.²⁴

Tahun yang dinyatakan adalah sekitar 1914-1918.²⁵

Ini dijelaskan seperti berikut :

“ ... sebagai maklumat tambahan mengenai Haji Sulong, ada juga riwayat yang mengatakan bahawa beliau pernah pergi ke Kemboja untuk mengajar dan berdakwah di sana, tetapi tidak jelas pada tahun berapa. Abdullah Nakola mengatakan peristiwa ini terjadi dalam masa perang dunia pertama (1914-1918). Kalau tarikh ini dapat diterima, maka ini bermakna bahawa Haji Sulong pergi ke Kemboja langsung dari Makkah, bukan dari Patani. Andaian ini dibuat oleh kerana maklumat mengenai kepulangan beliau ke Patani pada tahun 1924 itu adalah maklumat yang sangat jelas dan tidak diragui. Semasa di Kemboja, menurut Nakola lagi, Haji Sulong diburu oleh pemerintah kolonial Perancis kerana dituduh menjadi perisik rahsia bagi kerajaan Turki. Beliau selamat dari tangkapan kerana disembunyikan oleh orang-orang Cham dalam Vietnam Selatan.”²⁶

Pemikiran Haji Sulong

Haji Sulong merupakan antara ulamá yang sangsi dengan campurtangan kerajaan Thai dalam hal-ehwal agama Islam.²⁷ Beliau berpendapat bahawa campurtangan politik dalam

²⁴ Penglibatan dalam politik Islam di kalangan masyarakat Islam di Kampuchea atau Kemboja telah wujud waktu itu. Malah hingga ke hari ini isu Kaum Muda dan Kaum Tua masih dibincangkan di sana. Lihat Badlihisam Mohd Nasir, “Umat Islam Kemboja Perlu Bantuan”, *Tamadun*, Bil. 65, Jan. 2002, hlm. 39.

²⁵ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 144. Lihat juga Abdullah Nakola, “Orang Melayu di Kemboja”, *Pengasoh*, bil. 410, Nov. 1975, hlm. 49.

²⁶ Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 144.

²⁷ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 144.

hal-ehwal perundangan sejak pemerintahan Raja Chulalongkorn telah memusnahkan kesucian agama Islam.²⁸ Walau bagaimanapun, beliau bersetuju bahawa kerjasama politik antara kerajaan Thai dan kepimpinan Islam tempatan adalah perlu namun perlu dilakukan secara berhati-hati. Sebagai contoh kerjasama dengan pihak Thai, Haji Sulong pernah memainkan peranan aktif dalam kempen salah seorang rakan beliau yang beragama Buddha untuk pemilihan ke Parlimen pada tahun 1948. Ini berlaku dalam keadaan ahli-ahli politik Patani telah menolak sistem berparlimen Thai.²⁹

Pada peringkat awal, Haji Sulong mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai-pegawai Thai di wilayah-wilayah selatan. Walaupun dihormati oleh para pegawai ini, beliau tetap menolak untuk terlibat dalam pengstrukturkan semula dan interpretasi perundangan Shari'ah yang dilaksanakan oleh kerajaan Thai. Pada pemikiran Haji Sulong, hal-ehwal berkaitan dengan agama Islam perlu berada di tangan orang-orang Islam sendiri. Ini selaras dengan misi beliau untuk meningkatkan syiar Islam dan mengembalikan semula Islam di kedudukan yang sepatutnya lantas menghapuskan bid'ah.³⁰

Haji Sulong merupakan pelopor kepada konsep mengajar agama Islam dengan cara pergi ke kampung-kampung dalam menyampaikan ilmu.³¹ Ini jelas berbeza dengan cara lama di mana mereka yang pulang dari Makkah akan membuka pusat pengajian pondok.

²⁸ Ibid., hlm. 149.

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

³¹ Ab. Hamid Ab. Rahman, 'Tuan Guru Haji Muhamad Sulong : Peranan dan Sumbangan Beliau Dalam Perkembangan Syariat Islam Di Patani', Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1994, hlm. 79.

Ab. Hamid Ab. Rahman menulis berkenaan tradisi membuka pondok :

“Penyampaian hukum-hukum Islam adalah sangat terhad kepada murid-murid di pondok sahaja dan tidak kepada masyarakat awam. Mereka tidak memberi pengajaran yang sepatutnya kepada masyarakat menyebabkan orang ramai masih mempercayai dan mengamalkan perkara yang bid’ah.”³²

Haji Sulong dengan lantang membidas segelintir golongan ulama’ pondok yang bagi beliau lebih sibuk mencari kemewahan peribadi tanpa memikirkan kepentingan masyarakat.³³ Kritikan pedas beliau telah menimbulkan rasa tidak puas hati golongan tersebut. Ini kerana, pengaruh Haji Sulong yang begitu luas telah membawa kepada perubahan persepsi masyarakat tempatan kepada golongan ulama’ berfikiran tradisional. Konsep yang dibawa beliau telah mendapat sambutan yang baik. Ini kerana cara perlaksanaan pengajarannya membolehkan para pelajar benar-benar memahami segala apa yang mereka pelajari.

Selain itu, sesuai sebagai tokoh yang berlandaskan idea pembaharuan, beliau menafsir hukum dengan melihat kepada suasana dan situasi masyarakat waktu itu.³⁴ Beliau percaya bahawa masyarakat perlu diberi ilmu pengetahuan yang secukupnya agar mereka tidak ditindas. Isu ini cukup menarik dan agak kontroversi waktu itu. Sudah menjadi amalan masyarakat Melayu turun temurun waktu itu membayar zakat kepada tuan-tuan guru pondok. Zakat ini dianggap sebagai gaji kepada golongan ulama’ ini.³⁵ Haji Sulong

³² Ibid.

³³ Ibid., hlm. 80.

³⁴ Ibid., hlm. 87.

³⁵ Ibid., hlm. 88.

berpendapat wang zakat sepatutnya digunakan atau diagihkan kepada golongan yang layak menerimanya. Ini termasuk untuk tujuan pembangunan dan penyediaan kemudahan asas bagi yang memerlukan.³⁶

Haji Sulong dan Gugusan Cahaya Keselamatan

Terdapat tiga buah buku hasil penulisan Haji Sulong dalam bidang pendidikan yang telah diterbitkan.³⁷ Buku pertama beliau, *Khalasah al-Jawahir* merupakan sebuah buku membincangkan berkenaan dengan Usuluddin. Buku kedua, *Cahaya Islam* menumpukan bidang sirah terutama berkenaan dengan Maulud Nabi.³⁸ Penulisan terkenal beliau, *Gugusan Cahaya Keselamatan* merupakan penulisan beliau yang paling terkenal dan mendapat perhatian umum.³⁹ Buku ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana antara lain ia ditulis ketika beliau ditahan di dalam penjara di Ligor pada tahun 1949.⁴⁰ Seperti pendapat Mat Rofa Ismail, “kisah dalam *Cahaya Keselamatan* adalah sejarah penulisnya yang mengupas tentang kegiatan tersebut menerusi kaca mata peribadinya sendiri.”⁴¹ Haji Sulong amat mengharapkan bahawa perjuangan beliau menjadi satu titik-tolak perjuangan akan datang.

³⁶ Ibid.

³⁷ Terdapat juga hasil penulisan beliau yang tidak diterbitkan dan ada juga dokumen-dokumen ilmiah hasil nukilan Haji Sulong yang telah hilang.

³⁸ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 153.

³⁹ Buku ini telah diterbitkan oleh anak beliau, Muhammad Amin dan dicetak oleh Saudara Press pada tahun 1958 dan telah diharamkan oleh kerajaan Thai. Lihat juga W.K. Che Man, *Muslim Separatism The Moros of Southern Phillipines and the Malays of Southern Thailand* (Singapura : Oxford University Press, 1990), hlm. 70.

⁴⁰ Aspek ini akan dibincangkan dengan mendalam Bab IV dan V.

⁴¹ Mat Rofa Ismail, “Khazanah Melayu”, hlm. 548.

Ini dinukilkan beliau dalam mukadimah buku tersebut :

“Patut benar tiap-tiap seorang daripada anak bangsa kita bahawa menyampaikan ini gugusan Cahaya Keselamatan supaya boleh buat peringatan kepada anak buahnya yang kemudian hari kerna ialah setengah daripada tarikh anak bangsa kita serta boleh mengambil faedah akan asin yang ada padanya kepada Dar al-Na’im dengan kurnia Tuhan al-Raúf al-Rahim.”⁴²

Buku *Gugusan Cahaya Keselamatan* ini dibahagikan kepada lima bab dan satu penutup (Lihat Lampiran 6). Buku ini telah diharamkan oleh kerajaan Thai kerana bab pendahuluannya mengisahkan latarbelakang penangkapan Haji Sulong pada 16 Januari 1948.⁴³ Penceritaan sendiri Haji Sulong setebal 15 halaman ini membimbangkan Siam. Begitu juga senarai tuntutan masyarakat Melayu Patani pada 1 April 1947 yang turut dimuatkan dalam buku ini.⁴⁴ Menerusi buku ini, Haji Sulong telah menulis :

“... supaya boleh jadi pertaruhan bagi diri saya sendiri serta mencadangkan kepada anak-anak saya dan zuriat saya boleh beramal mana-mana wirid dan doá yang dibentangkan dalam buku ini, ... maka minta Allah Taála memberi taufik kepada saya dan kepada anak-anak saya dan zuriat saya dan muslimin semuanya pada mengamalkan mana-mana amalan yang ada di dalam buku ini dengan berkekalan

⁴² Ibid., hlm. 550.

⁴³ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 154.

⁴⁴ Ibid. Peristiwa penangkapan Haji Sulong akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab selepas ini.

selama-lamanya supaya boleh menjadi bekal daripada masa sekarang hingga sampai kepada penghabisan hari.”⁴⁵

Jika dilihat menerusi buku ini, jelas kelihatan Haji Sulong agak berbeza dari segi menafsir hukum.⁴⁶ Ia selaras dengan pemikiran beliau yang berkonsepkan pembaharuan dalam Islam. Beliau telah mengambilkira realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat. Bagi beliau, masyarakat perlu dikukuhkan dengan ilmu terlebih dahulu agar pemikiran mereka dapat ditingkatkan selaras dengan ajaran Islam yang sebenar. Asas keilmuan Islam ini kemudiannya akan menjadi tunjang kekuatan mereka dalam meningkatkan kekuatan politik masyarakat Melayu Patani.

⁴⁵ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 154.

⁴⁶ Ab. Hamid Ab. Rahman, 'Tuan Guru Haji', hlm. 87.